



TEKS UCAPAN ALUAN

**DATO' SRI SUBROMANIAM THOLASY
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
MUZIUM KASTAM TAN SRI DR. ALI HAMSA**

**TEMPAT:
PERKARANGAN
MUZIUM KASTAM TAN SRI DR. ALI HAMSA
MELAKA**

**TARIKH:
26 MAC 2018 | ISNIN**

TERIMA KASIH KEPADA YANG BERUSAHA PENGERUSI MAJLIS,

YBHG. TAN SRI ALI HAMSA

KETUA SETIAUSAHA NEGARA,

YB. DATUK WIRA ROSLAN BIN IBRAHIM

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA,

YBHG. DATO'-DATO' TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM

DATO' ZULKIFLI YAHYA,

DATO' PADDY ABD HALIM,

DAN DATO' DR. AHMAD JAILANI,

YBHG. DATO' MOHD NOOR BIN YUSOFF

PENGARAH KASTAM NEGERI MELAKA SELAKU TUAN RUMAH,

PENOLONG-PENOLONG KETUA PENGARAH KASTAM,

PENGARAH-PENGARAH KASTAM IBU PEJABAT DAN NEGERI,

KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI,

BARISAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

1. SALAM SEJAHTERA, SALAM NEGARAKU SEHATI SEJIWA DAN SALAM SEMARAK INTEGRITI KASTAM.

2. PERTAMA-TAMANYA SUKA UNTUK SAYA MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SELURUH PASUKAN JAWATANKUASA MAJLIS YANG TELAH BERGANDING BAHU BERSAMA-SAMA DALAM MENJAYAKAN “**MAJLIS PERASMIAN MUZIUM KASTAM TAN SRI DR. ALI HAMSA**”, DI MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH INI.

***KAMPONG DUYONG PERIGI HANG TUAH,
TEMPAT SEJARAH NEGERI MELAKA;
SELAMAT DATANG KAMI PERSEMBAH,
MUZIUM KASTAM DI NEGERI MELAKA.***

3. SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENZAHIRKAN UCAPAN SELAMAT DATANG DAN SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA **YBHG. TAN SRI DR. ALI HAMSA, KETUA SETIAUSAHA NEGARA**, DAN SELURUH TETAMU KEHORMAT SERTA PARA HADIRIN YANG SUDI MELUANGKAN MASA UNTUK BERSAMA-SAMA MEMERIAHKAN MAJLIS PERASMIAN MUZIUM KASTAM PADA HARI INI.
4. SESUNGGUHNYA KESUDIAN **YBHG. TAN SRI DR. ALI HAMSA** MELAPANGKAN MASA UNTUK BERSAMA-SAMA DENGAN WARGA KASTAM DALAM MAJLIS YANG BERSEJARAH INI MENYELITKAN MEMORI TERINDAH DAN AMAT BERMAKNA KEPADA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA.
5. DI KESEMPATAN INI JUGA, SUKA UNTUK SAYA ZAHIRKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA **DATO’ WIRA ROSLAN BIN IBRAHIM, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA**, YANG TELAH BANYAK

MENGHULURKAN BANTUAN KEPADA PIHAK KASTAM MELAKA DALAM MELANCARKAN PERJALANAN MAJLIS KITA PADA HARI INI.

YBHG. TAN SRI DAN HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

6. MUZIUM JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA INI TELAH DIBUKA PADA TANGGAL 25 OGOS 2006.
7. BANGUNAN BERASASKAN SENIBINA INGGERIS INI MERUPAKAN BINAAN PADA ZAMAN KOLONIAL DI AWAL TAHUN 1890-AN YANG DIGUNAKAN SEBAGAI GUDANG KASTAM BAGI TUJUAN PENYIMPANAN BARANG DAGANGAN SEPERTI SERAMIK, BERAS, TEPUNG, GULA DAN REMPAH-RATUS YANG DIIMPORT DARI NEGARA CHINA, INDIA, INDONESIA, THAILAND DAN FILIPINA.
8. BARANG-BARANG YANG DITAHAN DAN DIRAMPAS JUGA DISIMPAN DI BANGUNAN INI SEHINGGA TAHUN 1965, DIMANA IA DIJADIKAN STOR PENYIMPANAN OLEH BAHAGIAN PENGUATKUASAAN KASTAM.
9. PADA HARI INI, MUZIUM KASTAM MEMPUNYAI LEBIH 200 KOLEKSI ASLI DAN BERSEJARAH DARIPADA SELURUH NEGARA TERMASUK KOLEKSI BARANG-BARANG YANG DITAHAN DAN DIRAMPAS PADA ABAD KE-19.
10. MUZIUM KASTAM JUGA MEMPAMERKAN KOLEKSI GAMBAR PEGAWAI DAN PEJABAT KOLONIAL, PAKAIAN DAN JUGA ALAT YANG DIGUNAKAN OLEH PEGAWAI KASTAM TERDAHULU SEPERTI BUKU KOD TARIFF, MESIN TAIP, MESIN PENIMBANG DAN LAIN-LAIN ALAT YANG DIGUNAKAN

UNTUK MENJALANKAN TUGAS-TUGAS PERKASTAMAN DAN PERCUKAIAN PADA KETIKA ITU.

11. MUZIUM INI MENERIMA KUNJUNGAN DARIPADA WARGA TEMPATAN, PELANCONG ASING DAN PELAJAR SEKOLAH SERTA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI, DAN SEBAGAI MAKLUMAN TIADA BAYARAN MASUK YANG DIKENAKAN.
12. PADA TAHUN 2015, PENGUNJUNG KE MUZIUM KASTAM TELAH **MELONJAK KE 110,726 ORANG** EKORAN DARI PENINGKATAN JUMLAH PELANCONG KE NEGERI MELAKA PADA TAHUN TERSEBUT.
13. PADA TAHUN 2016, JUMLAH PENGUNJUNG KE MUZIUM KASTAM ADALAH SERAMAI **48,403 ORANG**, MANAKALA TAHUN 2017 MENCATATKAN SERAMAI **52,071 ORANG**.
14. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN OLEH PIHAK MUZIUM KASTAM MELALUI PROGRAM BERSAMA-SAMA PELAJAR SEKOLAH DAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI TELAH DAPAT MENINGKATKAN TAHAP KESEDARAN MEREKA DALAM MEMAHAMI SEJARAH PERKASTAMAN KHUSUSNYA SISTEM PERCUKAIAN NEGARA.

YBHG. TAN SRI DAN PARA HADIRIN SEKALIAN.

15. SETELAH DIBERI NAFAS BARU DENGAN PENAMBAHAN RUANG PAMERAN, PADA TAHUN INI JABATAN KASTAM MENSASARKAN LEBIH 60,000 PENGUNJUNG KE MUZIUM KASTAM DAN PIHAK JABATAN BERHARAP IA MAMPU MENARIK MINAT BUKAN SAHAJA WARGA

TEMPATAN, MALAHAN PELANCONG LUAR UNTUK DATANG BERKUNJUNG KE SINI.

16. PERKARA INI SECARA TIDAK LANGSUNG MEMANGKIN JANAAN EKONOMI NEGARA MELALUI SATU LAGI PRODUK PELANCONGAN BERPRESTIJ DAN BERSEJARAH INI.
17. SUSULAN DARIPADA USAHA-USAHA INI, MUZIUM KASTAM AKAN DIJENAMAKAN SEMULA DAN DIKENALI SEBAGAI **“MUZIUM KASTAM TAN SRI DR. ALI HAMSA”**.
18. PENJENAMAAN SEMULA INI ADALAH UNTUK MENGHARGAI JASA BAKTI YANG TELAH DISUMBANGKAN OLEH YBHG. TAN SRI DR. ALI HAMSA DALAM MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN AWAM KHUSUSNYA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA.
19. DALAM PADA ITU, **NAMA ALI JUGA ADALAH SINONIM** DENGAN NEGERI MELAKA TERUTAMANYA DI ZAMAN KESULTANAN MELAYU MELAKA.
20. **BENDAHARA SRI NARA DIRAJA TUN ALI** ADALAH MERUPAKAN BENDAHARA ATAU PERDANA MENTERI KEEMPAT DI ZAMAN KESULTANAN MELAYU MELAKA, IAITU DI ZAMAN PEMERINTAHAN SULTAN MUZAFFAR SHAH.

***WAKTU SUBUH MELANGKAH TITI,
TITI BERTALI PANJANG SEKALI;
PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI,
DAHULU TUN ALI SEKARANG TAN SRI ALI.***

21. MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA DAN SELURUH WARGA KASTAM BERHARAP MUZIUM KASTAM TAN SRI DR. ALI HAMSA INI AKAN MENJADI SEBUAH DAYA TARIKAN UNGGUL KEPADA PARA PENGUNJUNG, SESUAI DENGAN KEDUDUKANNYA YANG STRATEGIK DI TEPI SUNGAI MELAKA, YANG MERUPAKAN SEBUAH PELABUHAN TERMASYHUR DI RANTAU INI, SUATU KETIKA DAHULU.

22. MUDAH-MUDAHAN, KEGEMILANGAN SEKTOR PERKASTAMAN DAN PERCUKAIAN NEGARA TERUS SUBUR DAN MEKAR MENGHARUM DALAM MEMACU KEUTUHAN PRESTASI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA.

***DARI MELAKA PERGI KE PAHANG,
SINGGAH TEMERLOH MEMBELI KERANG;
TERIMA KASIH KERANA DATANG,
MOHON MAAF JIKA TERKURANG.***

23. SEKIAN, TERIMA KASIH.

**DATO' SRI SUBROMANIAM THOLASY
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA
TARIKH: 26 MAC 2018**